

Gila Belajar

Nur Hafeeza binti Misrin

“Faiz!” Kata Cikgu Nordin dengan suara yang lantang.

Tiada respon.

“Faiz!!” Jrit Cikgu Nordin lagi.

Terkejut mendengar namanya dipanggil. Faiz yang sudah terlentok bingkas berdiri.

“Err... err... ya cikgu. Aa... ada apa-apa yang boleh saya Bantu?” Ujar Faiz tergagap-gagap. Semua mata menyorot ke arah Faiz yang kelihatan bingung. Maklumlah baru terjaga dari tidur.

“Datang ke hadapan sekarang dan jelaskan apa yang kamu faham!” Kata guru mata pelajaran kimia itu.

Faiz bangun teragak-agak dan berjalan lambat-lambat ke hadapan. Sayup-sayup di kiri dan kanannya kedengaran para pelajar berbisik-bisik dan ketawa perlahan. Hanya Fairoza sahaja yang senyap dan tersenyum manis di tempat duduknya. Yang lain tidak sudah-sudah berbisik.

“Apa yang kau ingat aku tak boleh buat?” Getis hatinya.

Faiz berdiri tegak sambil membetulkan tali lehernya yang sudah senget sedikit. Faiz berdehem-dehem, kemudian,

“Asid mempunyai nilai pH di bawah 7. Asid dan alkali boleh dineutralkan dengan menyebatkan kedua-

duanya berpandukan isipadu dan kepekatan yang sama. Itu sahaja cikgu.”

Tiba-tiba suasana di kelas 4 Sains 1 senyap. Tiada sebarang bunyi kecuali kipas yang berputar. Semua pelajar tergamam. Cikgu Nordin juga begitu. Tiba-tiba semua pelajar bertepuk tangan. Kagum. Serentka dengan itu, loceng pun berbunyi.

“Baiklah. Sampai disini sahaja pelajaran kita. Jumpa lagi esok.” Kata Cikgu Nordin.

”Awak, Faiz! Jangan tidur lagi dalam kelas saya.” Tambahnya.

Faiz sekadar tersenyum sinis. Selepas mengucapkan terima kasih, semua pelajar berkemas untuk pulang ke rumah.

Tak rugi Faiz membaca dahulu pelajaran yang bakal di ajar oleh guru dan tak rugi Faiz belajar hingga lewat malam. Tak rugi Faiz bancuh kopi supaya tidak mengantuk.

Hari peperiksaan Percubaan Sijil Pelajaran Malaysia Satu. Faiz melangkah ke dalam dewan peperiksaan dengan baik. Faiz telah bersengkang mata malam tadi. Membaca dan menghafal semua tajuk. Faiz hanya mahu yang terbaik.

“Baiklah, pada pelajar akan diberikan kertas soalan, sila semak bilangan muka surat,” Kata cikgu.

Faiz membuka kertas soalan satu persatu. Hatinya resah tiba-tiba. Peluh muka merembes keluar. Soalan-soalan Matematik Tambahan di tangannya hampir satu pun seperti tidak pernah dilihatnya. Faiz pelik. Arahan menjawab sudah diberikan. Namun, Faiz seperti hilang

segala-galanya dari kotak ingatannya. Mustahil dia jadi begitu sedangkan malam tadi dia telah mengulangkaji hampir semua bab sehingga jam 2.30 pagi. Faiz mula menangis dan akhirnya dia tertidur sehingga tamat peperiksaan.

”Faiz!” Kata Cikgu Nordin dengan suara yang lantang.

”Ya, cikgu.” Balas Faiz

”Jumpa saya di bilik guru sekarang,” Ujar Cikgu Nordin. Suaranya sudah mula merendah mungkin simpati melihatkan wajah suram Faiz.

Faiz melangkah lesu mengikut Cikgu Nordin ke bilik guru. Setelah tiba di bilik guru, Cikgu Nordin mengambil tempatnya dan meminta Faiz untuk duduk.

”Kenapa keputusan ujian percubaan kamu teruk. Bukan sekadar subjek kimia, malah cikgu dapat tahu guru-guru sebjek lain pun mengatakan keputusan kamu teruk.”

Diam tertunduk.

”Kertas jawapan kimia kamu hampir tiga suku tidak berjawab.”

”Saya tak pasti cikgu. Apabila saya menjawab soalan-soalan itu, saya rasa kosong.”

Cikgu Nordin menarik nafas panjang.

”Mata kamu nampak letih. Kamu tak tidur ke?”

Faiz menggeleng.

”Kamu mengulangkaji pelajaran hingga ke pagi?”

Faiz mengangguk.

”Faiz.” Ujar Cikgu Nordin sambil memegang bahu Faiz.

”Kamu tahu tak? Kerana kegiaaan kamu belajar hingga lewat malamlah kamu tak dapat jawab soalan-soalan peperiksaan itu.”

Faiz mengerutkan dahi.

”Otak kamu sudah bekerja terlalu lama. Otak pun perlukan rehat. Ada masanya, kamu terlalu mendesak otak kamu belajar dan akhirnya kamu tak dapat ingat apa-apa pun.”

Faiz termenung sejenak. Memikirkan kata-kata cikgu.

”Saya rasa memang silap saya cikgu. Saya terlalu ghairah belajar sehingga lupa makan, minum, dan tidur. Cikgu selepas ini, saya berjanji akan belajar secara bijak.”

Cikgu Nordin tersenyum mesra.